



MUZAKARAH

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

KEPIMPINAN DAN KEKHALIFAHAN, GAGASAN KONSTUKTIF ULAMA DAN UMARA

**KERTAS KERJA :
KEPENTINGAN KEKHALIFAHAN DAN KEPEMIMPINAN DALAM ISLAM :
MENELUSURI SEJARAH KEGEMILANGAN ISLAM**

**DISEDIAKAN OLEH :
AHMAD AZAM ABDUL RAHMAN**

**TARIKH:
25,26 dan 27 FEBRUARI 2018
(AHAD-SELASA)**

**TEMPAT:
AMANJAYA CONVENTION CENTER
CASUARINA@MERU,BANDAR
MERU RAYA, IPOH**

**PENGANJUR:
KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Kepentingan Kekhalifahan dan Kepemimpinan Dalam Islam: Menelusuri Sejarah Kegemilangan Islam

Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi.” Mereka berkata: “Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?” Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui!”

(Surah al-Baqarah, 2: 30)

Wahai Daud, sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu khalifah (penguasa) di muka bumi, maka jalankanlah hukum di antara manusia dengan (hukum syariat) yang benar (yang diwahyukan kepada kamu); dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkan kamu dari jalan ALLah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan ALLah, akan beroleh azab yang berat pada hari perhitungan amal disebabkan mereka melupakan (jalan ALLah) itu.

(Surah Sad, 38: 26)

Istilah yang digunakan al-Qur’an (berdasarkan ayat ke-30 dari surah al-Baqarah) ialah *khalifah*, yang akar katanya (root words) berasal dari *khaf-lam-fa*. Terdapat 127 sebutan kalimah terbitan (derivations) dari *khaf-lam-fa* di dalam al-Qur’an yang meliputi kalimah-kalimah seperti *khalifat*, *khulafa’*, *khalfun* dan sebagainya.¹ Di samping istilah *khalifah*, beberapa istilah lain turut dibariskan seperti *rais*, *malik* dan *imam* yang turut membawa maksud pemimpin. Sehubungan ini, istilah *khalifah* dalam ayat 2: 30 berbeza secara semantiknya dengan ayat 38: 26 (sebagai *penguasa*)

¹Lihat *Mu’jam al-Mufahras li ‘l-Fazh al-Qur’an*. Beirut: Dar al-Ma’rifat. Cetakan 1994. Halaman 303-306.

yang merujuk kepada Nabi Daud a.s. di mana di dalam ayat 2: 30, ALLah S.W.T. menjadikan manusia sebagai khalifah yang mampu melestari dan membangunkan bumi seiring dengan perintah dan panduan yang telah pun digariskan lebih awal oleh ALLah S.W.T. Tafsir maknanya menjangkau konstitusi siyasah dan sistem ketatanegaraan.

Dari segi bahasa, *khalifah* membawa makna pengganti atau pelaksana – menurut Pak Hamka di dalam *Tafsir al-Azharnya*.² Secara umumnya, istilah *khalifah* ini dapat ditanggapi sebagai lebih mencakup maknanya meliputi tanggungjawab maknawi sebagai manusia yang dipimpin pedoman Ilahi, penjawat jawatan pentadbiran dan pemerintahan secara siyasah serta mempunyai kepimpinan ilmu secara mendalam. Kekuatan dan kedalaman tanggungjawab kekhalfahannya bukan kepalang kerana keluasan pengaruhnya yang sangat meliputi. Sedangkan kepimpinan lebih merujuk kepada jawatan di dalam sesuatu pemerintahan atau *khilafah* dengan cakupan makna yang lebih khusus. Menurut Pak Hamka lagi,

“Adam ... dapatlah dianggap sebagai Khalifah Allah di muka bumi, untuk dengan akal budi yang dianugerahkan Allah kepadanya, atau kepada manusia memperlihatkan bagaimana kekuasaan Ilahi melalui wahyu-Nya kepada Nabi-Nabi dan ilham-Nya kepada manusia yang berfikir, sehingga muka bumi ini menjadi makmur karena perbuatan manusia. Adapun Daud sekarang ini, bolehlah dia diartikan menyambut tugas Adam jadi Khalifah dari Allah, atau Khalifah dari generasi yang terdahulu dari dia. ... Menilik kepada kedudukannya sebagai raja dari Bani Israil, kedudukannya jadi Khalifah itu sudah bukan semata-mata menjadi Rasul dan Nabi saja lagi, bahkan juga jadi pemegang kekuasaan. Maka supaya jabatan jadi Khalifah itu berjalan dengan baik, mengisi fungsinya diberilah beberapa pesan oleh Tuhan.”³

Isu yang menjadi perbincangan di sini ialah bagaimana konsep kekhalfahan dan kepimpinan berkembang sejak awal kehadiran Islam di pentas dunia dengan kerasulan Nabi Muhammad ibn Abdullah *sallallahu ‘alayhi wa ‘sallam* (S.A.W.). Isu ini akan diteliti dengan menelusuri sejarah perkembangan politik Islam sejak zaman

²Hamka (1987) *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional. Halaman 6171.

³Hamka (1987) *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional. Halaman 6172.

Rasulullah SAW hinggalah ke hari ini – sejak bermulanya pemerintahan Islam hinggalah ke hari ini, setelah hampir 100 tahun berakhirnya Khilafah Uthmaniyyah pada 1924. Berdasarkan latar belakang inilah, seorang sarjana membuat pemerhatian berikut:

“... Dalam kebanyakan pemerintahan islam yang wujud, Daulah Uthmaniyyah merupakan sebuah pemerintahan yang kenuncak kepada sejarah pelaksanaan pemerintahan Islam berdasarkan kepada sistem khilafah islamiyah. Selepas kejatuhan Daulah Uthmaniyyah, dunia Islam berada dalam pemerintahan tersendiri berasaskan konsep pemerintahan ‘negara bangsa’ dengan ideologi pemerintahan yang pelbagai. Justeru itu, sistem pemerintahan berasas kepada khilafah islamiyah yang diasaskan sejak zaman Rasulullah SAW lenyap selepas lima belas abad kewujudannya. Semasa sistem khilafah Islamiyah tertegak, umat Islam dihormati dan disegani. Sultan Muhammad al-Fatih berjaya membuka kota terbesar Rom iaitu Constantinople, namun selepas merosot sistem khilafah, dengan mudah umat Islam dikalah dan dipermainkan. Daulah Uthmaniyyah kalah dalam Perang Dunia Pertama, dengan kekalahan tersebut semua wilayah di bawah Daulah Uthmaniyyah dirampas dan dijajah oleh British serta Perancis sebagai pihak yang menang dalam perang tersebut. Tidak memadai dengan keperitan yang dialami oleh umat Islam dalam Perang Dunia Pertama itu, sebagai kemuncaknya pada tahun 1924 di hadapan ribuan umat Islam dan pemimpin utama Turki, Mustafa Kamal Attarturk mengisytiharkan sistem khilafah Islamiyah ditamatkan.”⁴

Sejarah Awal Kekhalifahan dan Kepemimpinan Islam

Rasulullah *sallallahu ‘alayhi wa ‘sallam* (S.A.W.) merupakan teladan unggul yang praktikal di mana kedua-dua ciri kekhalifahan dan kepemimpinan menyatu dan serasi – tanpa dikotomi, tanpa pemisahan, tanpa sebarang pertentangan. Ia merupakan aliran kekhalifahan nubuwwah dan risalah yang silih berganti selama ribuan tahun sejak Nabi Adam *‘alayhi ‘s-salam*, yang berakhir dengan baginda S.A.W. sebagai *khatam al-nabiyyin*.

⁴ Farid Mat Zain (penyunting) (2009) *Daulah Uthmaniyyah dan Alam Melayu: Detik Kejatuhan Khilafah Islamiyah di Turki 1924 dan Reaksi Orang Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd. Halaman v-vi.

Selama 23 tahun baginda melatih para Sahabat *radiyaLlahu 'anhum* secara intensif dengan panduan secara langsung – dan direkodkan secara telus. Tiada manusia dalam sejarah di mana percakapannya, perlakuannya dan segala tindak tanduknya – segala sunnahnya – direkod dan dianalisis sedemikian teliti, lalu diperhalusi dan diperpanjangkan dari satu zaman ke satu zaman sehinggalah ke hari Kiamat nanti sepertimana yang dilakukan ke atas baginda Rasulullah S.A.W. Para Sahabat diasuh dan dididik secara langsung tentang prinsip-prinsip penting kehidupan termasuklah urusan pemerintahan bagi memastikan kesinambungan pelestarian shari'ah dalam kehidupan manusia – sebagai *rahmatan li 'l-'alamin*.

Setelah wafatnya baginda di usia 63 tahun (tahun 623 Masihi), urusan pentadbiran umat diteruskan oleh Sayyidina Abu Bakr as-Siddiq, Sayyidina Umar al-Khattab, Sayyidina Uthman ibn 'Affan dan Sayyidina Ali ibn Abi Talib (era *Khulafa' ar-Rashidin*) serta Khalifah Umar ibn Abdul Aziz (cicit Sayyidina Umar al-Khattab). Ketika di zaman ini, ciri-ciri kekhalifahan dan kepemimpinan masih dilihat menyatu dengan serasi. Masih tiada pembelahan (*demarcation*) antara kedua-duanya termasuklah sebarang dikotomi peranan ulama dan umarak.

Hanya setelah sejarah Islam berkembang melalui Khilafat Umayyah dan Abbasiyyah hinggalah kepada Khilafat Uthmaniyyah, pembelahan dan pemisahan antara imam dan khalifah, antara ulama dan umarak mulai muncul, lalu menghasilkan pelbagai aliran dan kecenderungan yang cuba menjuarai aliran dan kecenderungan masing-masing. Tidak sedikit ilmuan yang berani dan tegas yang dimangsakan oleh fenomena perkembangan sejarah ini. Lalu muncul kelompok umarak dan ulama' dalam sesebuah kerajaan Islam. Senario di mana wujudnya seorang umarak yang kuat beragama menjadi satu ciri kepimpinan yang sangat didambakan umat. Sedihnya, hampir tiada lagi peribadi teladan seperti Umar ibn Abdul Aziz!

Sehubungan ini, Pak Hamka pernah memetik sebuah dialog di antara al-Walid bin Abdul Malik, seorang khalifah Bani Umayyah, dengan Abu Zar'ah, seorang ulama besar ketika itu. Persoalan yang dibangkitkan oleh khalifah adalah: “Apakah seorang khalifah akan dihisab juga di hari Kiamat?” Khalifah al-Walid bin Abdul Malik lalu menitahkan agar Abu Zar'ah menjelaskan secara terus terang dan bebas. Lalu dinyatakan penjelasannya oleh Abu Zar'ah: “Ya Amir al-Mukminin, andakah yang

lebih mulia di sisi ALLah atau Nabi Daud? Nabi Daud, terkumpul padanya nubuwah dan khilafah, namun dia diwajibkan ALLah menghukum kepada manusia dengan benar, tanpa menurut hawa nafsu; dan diancam bahawa orang yang menuruti hawa nafsunya ialah orang yang lupa akan Hari Perhitungan.” Mendengarkan penjelasan tersebut, khalifah pun terdiam.⁵

Ciri-Ciri Kualiti Umarak dan Ulama'

Pernah disentuh di dalam Amanat Pimpinan Wadah Pencerdasan Umat 2017 yang lalu di mana “sejarah telah membuktikan bahawa kesalingan umarak dan ulama' adalah resepi terpenting bagi kekuatan sesuatu pemerintahan. Sultan Murad II berganding dengan Hacı Bayram Veli, Sultan Muhammad Al-Fateh berganding dengan Ak Shamsuddin. Masing-masing menghormati peranan tersendiri.”

“Mengambil kira akan perubahan dunia ..., maka usaha untuk meningkatkan kualiti ilmu kepimpinan para pemimpin negara termasuk para sultan dan para ulama' harus dipertingkatkan. Perancangan membina generasi pemimpin masa depan yang berkualiti adalah suatu yang sangat penting. Sultan Murad II telah mempersiapkan anaknya, Sultan Muhammad Al-Fateh dengan tujuh formula pendidikan sejak kecil sehingga berjaya membebaskan Kota Konstantinopel pada 29 Mei 1453M. Formula tersebut ialah

- [1] Menanam wawasan ummatik
- [2] Menamakan anak sesuai cita-cita
- [3] Penekanan kepada adab dan akhlak
- [4] Mewajibkan penguasaan Al-Quran
- [5] Mewajibkansolat tahajjud
- [6] Menguasai ilmu strategik pemerintahan
- [7] Menguasai pelbagai Bahasa besar dunia.

⁵Hamka (1987) *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional. Halaman 6173.

“Sultan Suleiman al-Kanuni(1520/1566) pula telah meletakkan syarat yang penting di dalam pemilihan Imam Besar Masjid Suleiman yang baru siap dibina pada tahun 1558. Syaratnya seperti berikut:

- [1] Menguasai Bahasa Arab, Latin, Turki dan Parsi
- [2] Menguasai ilmu Al-Quran, Injil dan Taurat
- [3] Mempunyai kepakaran ilmu syariah dan perundangan
- [4] Menguasai ilmu fizik dan matematik tahap mengajar
- [5] Berkemahiran dalam memanah, berlawan pedang dan ilmu peperangan
- [6] Seorang yang berperawakan menarik
- [7] Mempunyai suara yang kuat dan merdu.

“Mari kita bermuhasabah! Apakah kualiti para pemimpin dan ulama’ yang ada hari ini mampu untuk mencipta kebangunan abad baru – mampu untuk merealisasikan *al-Islam ya’lu, wala yu’la ‘alayh?*”⁶

Model Kepemimpinan Islami. Model kepimpinan Islami adalah model yang berasaskan keseimbangan (*balancing*) di antara pelbagai pelaku penting (*key stakeholders*) di dalam sesebuah pemerintahan – antara pimpinan dan rakyat, antara ulama dan umarak. Persoalan *balancing* (*tawazun*) adalah penting bagi mencapai keharmonian di dalam pemerintahan. Hasil keharmonian ini, bermunculanlah para ulama besar yang merupakan rakyat tempatan yang penuh berbakat (*homegrown talents*) yang memahami *urf* tempatan dan sensitiviti lokaliti – Imam al-Qurtubi dari Cordoba (Sepanyol), Abu Abbas al-Mursi dari Murcia (Sepanyol), Shaykh Jalaluddin ar-Rumi dari Konya dan Badiuzzaman Said Nursi dari Bitlis (Turki), Shaykh Abdul Rauf Singkel dan Hamzah Fansuri dari Aceh (Indonesia), Shaykh Yusuf Tajul Khalwati dari Makassar (Indonesia), Shaykh Daud al-Fatani dari Pattani (Thailand).

⁶Lihat Ahmad Azam Ab Rahman (2017) *Mengangkat Harkat Dakwah, Memimpin Politik Perubahan*. Teks Amanat Pimpinan di Muktamar Nasional Kesebelas Wadah Pencerdasan Umat Malaysia, IDCC Shah Alam, Selangor, 13 Oktober 2017. Paragraf 5.4, halaman 25 - 26.

Menurut pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas, kemunculan ahli fikir dan ilmuwan dari kalangan warga tempatan setelah kedatangan Islam sangat berbeza dengan apa yang berlaku ketika kehadiran tamadun Hindu dan Buddha sebelumnya:⁷

“Tiada seorang pun Hindu-Melayu atau Buddha-Melayu, sejauh mana diketahui, yang muncul maju ke hadapan sebagai seorang ahli fikir dan failasuf terkenal. Bahkan sesungguhnya bahawa agama-agama Hindu dan Buddha keduanya itu tiada berhasil mempengaruhi intelek Melayu untuk dapat melahirkan ahli fikir dan failasuf dari kalangan bumiputera, baik di Jawa mahupun di Sumatera. Dan bahasa yang mungkin dapat disebut sebagai ‘Melayu’ justeru tidak pernah digunakan sebagai bahasa pengantar karya yang bersifat kehalusan budi dan kemurnian akal, akan tetapi diteledorkan terbantut dalam tugas membidani alam tahayul.”

Adunan adat di Alam Melayu dan adab Islami adalah ramuan paling bijaksana bagi memastikan keharmonian dan kelanjutan ilmu dan pemikiran Islam di medan di mana kepimpinan umat beroperasi. Ramuan sebeginilah yang terumus dan dimanifestasikan di dalam diri peribadi manusia unggul di Alam Melayu seperti Hamka dan Muhammad Natsir.

Di dalam pertimbangan ini jugalah ingin dianjurkan bahawa pembinaan pemikiran dan budaya ilmu perlu diasaskan kepada maklumat dan fakta yang betul. Ini penting kerana kejahilan atau bebal bukanlah kerana ketiadaan maklumat dan fakta yang betul, tetapi merujuk kepada sikap degil untuk menerima kebenaran meskipun mempunyai fakta yang betul dan mencukupi. Gejala sikap sebeginilah yang dikupas sebagai “*bebalisme*” oleh almarhum Profesor Syed Hussein Alatas. Malah, beliau menyenaraikan 12 ciri-ciri bebalisme di dalam karyanya, *Intellectuals in Developing Societies*, seperti berikut:⁸

⁷Lihat Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972) *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Syarahan Pengukuhan Perlantikan Jawatan Profesor Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 24 Januari 1972. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Halaman 15-16.

⁸Lihat Syed Hussein Alatas (1977) *Intellectuals in Developing Societies*. London: Frank Cass. Halaman 25-35. Penyenaraian ciri-ciri bebalisme ini dipetik secara verbatim dari tulisan Wan Mohd Nor Wan Daud (1991) *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Halaman 52.

- [1] Tidak mampu mengenali masalah;
- [2] Jika diberitahu, dia tidak berupaya menyelesaikannya;
- [3] Tidak mampu mempelajari apa yang diperlukan, malah tidak memiliki kemahiran belajar;
- [4] Tidak mengaku kebalannya;
- [5] Tidak boleh menghubungkan sesuatu dalam konteks ruang dan waktu dan dengan faktor lain;
- [6] Hanya memberikan tindak balas kepada suasana sementara tetapi tidak memikirkan akibat atau perkiraan jangka panjang;
- [7] Berfikir hanya melalui sebab terhad dan tidak melalui urutan sebab-akibat;
- [8] Terpenjara dengan tabiat sendiri tanpa berfikir secara kritis tentang asas pemikirannya;
- [9] Tidak berfikir dengan mendalam;
- [10] Tidak konsisten;
- [11] Tidak mempunyai tenaga akal dan hanya menurut apa yang mudah;
- [12] Tidak berupaya berbicara dengan abstraksi yang tinggi tanpa menentang hakikat.

Contoh Peribadi Unggul Kekhalifahan dan Kepemimpinan Islam. Di antara contoh-contoh peribadi unggul yang boleh disifatkan sebagai memenuhi kesepaduan *khalifah-ulama'-umarak* ialah Khalifah Umar ibn Abdul Aziz, Khalifah Harun al-Rashid, Imam asy-Shafi'e, Shaykh Yusuf Tajul Khalwati al-Makassari (m. 1699), dan Muhammad al-Fateh.

Episod sejarah antara Imam asy-Shafi'e dengan Khalifah Harun al-Rashid adalah sesuatu yang wajar ditelaah.⁹ Setelah selesai pengajiannya di Madinah, Imam asy-Shafi'e kembali ke Makkah. Beliau kemudian berhijrah ke Yaman di atas

⁹ Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid (2014) *Biografi Agung: Imam Shafi'i*. Shah Alam: GrupBukuKarangkrafSdn Bhd. Halaman 26-32

cadangan beberapa orang Quraisy¹⁰ agar menemani Gabenor Yaman pulang setelah berkunjung ke Makkah ketika itu. Di Yaman, meskipun Imam asy-Shafi'e sudah terkenal alim di Makkah, beliau hanya diberi peranan kecil sahaja berbanding kebolehannya. Namun ketekunan dan kerajinan serta kebijaksanaan beliau melayakkan beliau dinaikkan ke jawatan lebih tinggi; kemasyhuran beliau mulai tersebar hinggalah ke pengetahuan guru beliau, Sufian ibn 'Uyainah, di Makkah. Ketika pulang ke Makkah untuk seketika waktu, Imam asy-Shafi'e dinasihatkan oleh seorang lagi gurunya, Ibrahim ibn Abi Yahya, agar tidak pulang semula ke Yaman, di atas pertimbangan: "menjawab jawatan rasmi kerajaan boleh menghilangkan kewibawaan Syafi'i sebagai seorang ulama dan kewartakan beliau sendiri. Kewibawaan Syafi'i dalam bidang ilmu harus dipergunakan sepenuhnya agar nanti beliau menjadi pemimpin besar umat Islam dalam bidang tersebut. Tambahan pula keperluan orang ramai kepada ilmu beliau lebih utama daripada keperluan beliau sendiri kepada sara hidup."¹¹ Imam asy-Shafi'e bagaimanapun pulang ke Yaman dan dilantik sebagai seorang pegawai di Najran, sebuah daerah di Yaman. Sebagai seorang yang tegas dan berprinsip, Imam asy-Shafi'e ini membangkitkan kemarahan segelintir elit tempatan yang ingin mengampu para pegawai yang dilantik di Najran. Lalu timbullah komplot jahat di antara mereka dengan menuduh Imam asy-Shafi'e "sebagai pendokong gerakan Alawi yang menjadi ancaman kepada keutuhan kerajaan Abbasiyah pada masa itu. Akibatnya beliau telah ditangkap bersama lapan orang lain atas arahan Khalifah Harun al-Rashid dan atas tuduhan menderhaka terhadap negara bersama-sama golongan Alawi."¹² Dilaporkan bahawa kesemua yang ditangkap telah dibunuh di Baghdad atas arahan Khalifah Harun al-Rashid melainkan Imam asy-Shafi'e di atas kebijaksanaan campurtangan Muhammad ibn al-Hassan, seorang anak murid Imam Abu Hanifah. Imam asy-Shafi'e diserahkan di bawah jaminan Muhammad ibn al-Hassan sementara siasatan lanjut dilakukan. Ketika dalam tempoh ikat jamin itulah, Imam asy-Shafi'e yang ketika itu berusia 34

¹⁰ Dipercayai bahawa orang yang mencadangkan kepada Gabenor Yaman agar Imam asy-Shafi'e dibawa ke Yaman ialah Mus'ab ibn az-Zubair. Ketika itu beliau pun baru dilantik oleh Khalifah Harun al-Rashid sebagai seorang qadi di Yaman.

¹¹ Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid (2014), halaman 28.

¹² Ibid. halaman 29.

tahun (184 Hijrah) mempelajari fiqh aliran Iraq secara lebih dekat. Di atas kesabaran dan kebenaran dan kebersihan peribadinya, Imam asy-Shafi'e kemudiannya dibebaskan sepenuhnya dari sebarang tuduhan.¹³

Mihnah Imam asy-Shafi'e ini berbeza dengan pengalaman pahit di antara Khalifah al-Ma'mun (anak sulung kepada Khalifah Harun al-Rashid) dengan Imam Ahmad ibn Hanbal yang terkenal dengan "kisah kesabarannya menempuhi dugaan ketika mempertahankan al-Qur'an sebagai kalam Allah dalam peristiwa *Khalq al-Qur'an*. Beliau dipenjara dan disiksa atas prinsipnya yang berbeza dengan pandangan Khalifah."¹⁴ Pendirian Khalifah al-Ma'mun ini banyak dipengaruhi oleh ilmuwan beraliran Mu'tazilah yang menduduki banyak jawatan strategik ketika itu.

Di antara raja-raja Melayu dalam sejarah lampau yang rapat dengan ulama – Sultan Alaudin Riayat Shah di Melaka atau pemimpin Ulama di Alam Melayu iaitu Sultan al-Arifin di Pulau Besar, atau Shaykh Abdul Rauf Singkel (Syiah Kuala) di Aceh dan para Wali Songo. Ini termasuklah kehadiran golongan-golongan Sayyid dari Hadramawt ke Alam Melayu.¹⁵

Yang dimaksudkan dengan pemimpin (ulama-umarak) itu bukanlah seorang yang begitu menagih kuasa untuk diri peribadinya – tetapi menanggapi kuasa sebagai *alat* untuk melakukan sesuatu yang betul dan untuk menggerakkan perubahan. Seandainya kuasa itu sendiri menyebabkan berlakunya konflik dengan *matlamat* yang jauh lebih besar yang sepatutnya dicapai oleh kuasa yang dimiliki atau yang akan dimiliki, maka pemimpin itu mungkin akan memilih untuk meninggalkan prospek pencarian kuasa tersebut. Kerana yang lebih penting untuk beliau pilih ialah (i) proses pengislahan dalam pengertiannya yang serba murni, dan (ii) dhamir yang jelas dan telus (*conscience*).

Dalam pengertian inilah maka *Nasihah al-Mulk*, sebuah karya Imam al-Ghazali menjadi penting untuk ditelaah dan diteliti. Perlu juga dibangkitkan di sini bahawa pengaruh pandangan Imam al-Ghazali tidak hanya terpusat di Baghdad; tetapi

¹³ Ibid. halaman 31.

¹⁴ Lihat <http://muftiwp.gov.my/ms/bayanlinnas-cat/1135-bayan-linnas-siri-72-anak-yatim-ihsanilah-dan-beritaqwalah>. Diakses 14 Februari 2018.

¹⁵ Lihat Syed Muhammad Naquib al-Attas (2011) *Historical Fact and Fiction*. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Halaman 75-153.

meluas sehingga meyakini berjaya Ibn Tumart, seorang pemimpin penting yang muncul kemudiannya di Andalusia pada abad ke-12, beberapa tahun selepas Imam al-Ghazali meninggal dunia pada tahun 1111 Masihi. Imam al-Ghazali hidup di zaman Nizam al-Mulk, seorang pemimpin yang cintakan ilmu. Imam al-Ghazali telah mencapai puncak pengaruhnya di usia yang sangat muda – satu pencapaian yang hebat yang kemudiannya menjadi punca utama beliau meninggalkan jawatan beliau di Nizamiyya, sebuah pusat pengajian yang menjadi tumpuan para sarjana – ketika begitu ramai sarjana hebat ingin berguru dengan beliau. Ditakdirkan selepas meninggalkan Nizamiyya, Imam al-Ghazali kemudiannya menulis *magnum opus*nya, *Ihya al-'Ulumiddin* – yang masih terus dikaji sehingga kini oleh pusat-pusat pengajian ternama di Timur dan Barat. Sekaligus, episod sejarah ini membuktikan bahawa *kuasa* bukanlah satu-satunya motivasi yang mampu mencetuskan perubahan, membina tamadun dan melestarikan shari'ah di muka bumi.

Kesimpulan

Untuk kesekian kalinya ditegaskan bahawa Rasulullah S.A.W. merupakan teladan unggul yang praktikal di mana kedua-dua ciri kekhalifahan dan kepemimpinan menyatu dan serasi. Lalu kelemahan manusiawi telah meletakkan kita ke belakang; namun sebagai manusia, kita terus tampil dengan proses penyempurnaan tanpa henti.

Secara idealnya, kedua-dua ciri kekhalifahan dan kepemimpinan ini perlu menyatu sepertimana yang berlaku di awal sejarah Islam yang sarat dengan kisah-kisah sejarah teladan kekhalifahan yang dikukuhkan dengan kekuatan agama serta kepintaran kepemimpinan. Sejarah 30 tahun awal kehadiran Islam (yang berakhir dengan tempoh *Khulafa' ar-Rashidin*) mungkin sangat sukar untuk dijelmakan semula. Lantaran itu, pilihan selanjutnya yang ada ialah memastikan berlakunya kesalingan (*reciprocity*) – suasana saling lengkap melengkapi di antara kedua-dua kelompok ulama dan umarak (kedua-duanya dikelompokkan sebagai tonggak kepemimpinan umat). Tegasnya ulama dan umarak perlu sentiasa bersama dan seiring. Di sinilah perlu berlakunya keseimbangan (*balance*). Tiada mana-mana kelompok yang terlalu dominan dalam keseimbangan ini.

Keseimbangan ini akan rosak sekiranya salah satu kelompok menguasai kelompok yang lain secara tidak wajar. Sekiranya ulama terpaksa bergantung di tangan kepimpinan umarak – mengharapkan pengiktirafan umarak untuk melakukan sesuatu, maka ada kemungkinan besar prinsip-prinsip agama akan dikompromikan. Risiko fenomena seperti yang berlaku di antara Khalifah al-Makmun dan Imam Ahmad ibn Hanbal tidak akan dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, hampir tiada contoh di mana ulama lebih dominan dalam sejarah; kerana sekiranya berlaku perebutan kuasa dan pengaruh di antara kedua-dua kelompok ini, lazimnya kelompok ulama akan menginsafi diri dan berundur dari medan terbuka.

Yang menjadi malang di dalam sejarah umat, natijah ketidakseimbangan (*imbalance*) ini akan berakhir dengan kekacauan di dalam pemerintahan sesebuah kerajaan. Prinsip kesalingan inilah yang perlu dipertahankan dengan penuh rasa cemburu!

Ahmad Azam Ab Rahman

Presiden, Wadah Pencerdasan Umat (WADAH)

24 Februari 2018

Rujukan:

- Ahmad Azam Ab Rahman (2017) *Mengangkat Harkat Dakwah, Memimpin Politik Perubahan*. Teks Amanat Pimpinan di Muktamar Nasional Kesebelas Wadah Pencerdasan Umat Malaysia, IDCC Shah Alam, Selangor, 13 Oktober 2017.
- Farid Mat Zain (penyunting) (2009) *Daulah Uthmaniyyah dan Alam Melayu: Detik Kejatuhan Khilafah Islamiyah di Turki 1924 dan Reaksi Orang Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Hamka (1987) *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid (2014) *Biografi Agung: Imam Shafi'i*. Shah Alam: Grup Buku Karang kraf Sdn Bhd.
- Mu'jam al-Mufahras li 'l-Fazh al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Ma'rifat. Cetakan 1994.
- Syed Hussein Alatas (1977) *Intellectuals in Developing Societies*. London: Frank Cass.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972) *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Syarahan Pengukuhan Perlantikan Jawatan Profesor Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 24 Januari 1972. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (2011) *Historical Fact and Fiction*. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Wan Mohd Nor Wan Daud (1991) *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

BIODATA

AHMAD AZAM ABDUL RAHMAN



Ahmad Azam Abdul Rahman ialah seorang tokoh pemimpin NGO yang sangat aktif berperanan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Dengan bermula sebagai pemimpin gerakan pelajar semasa universiti pada tahun 1980-an, beliau kini telah dipilih sebagai Presiden Wadah Pencerdasan Umat MALAYSIA (WADAH), iaitu sebuah NGO yang bertujuan memperkasa umat dengan cara meningkatkan kesedaran dan kecerdasan daya fikir mereka melalui pengembangan literatur yang bermutu, perbahasan dan wacana ilmu yang berkualiti serta pernyataan pandangan yang jelas dan tegas.

Di samping itu, Ahmad Azam juga adalah Pengerusi Future Global Network Foundation (FGN), sebuah NGO yang bertujuan memperkasa dan menggembeleng ummah ke arah mewujudkan masyarakat yang bertamadun untuk perpaduan global dan keamanan sejagat.

Ahmad Azam telah dipilih menganggotai jawatankuasa penaja Union of NGOs in the Islamic World (UNIW) organisasi yang beribu pejabat di Istanbul, Turki sejak Mei 2005. Penubuhan UNIW bertujuan untuk menyatukan umat Islam di dunia ini. Pengasas UNIW berpendapat bahawa usaha penyatuan lebih mudah dilakukan melalui gerakan NGO oelh kerana pendekatan kerja NGO tidak memmpunyai banyak kerengah birokrasi. Bagi memastikan NGO-NGO Muslim yang terdapat dimana-mana pelusuk dunia ini bersatu maka ia perlulah digabungkan di bawah naungan kesatuan ini (UNIW). Ahmad Azam Abdul Rahman telah dilantik **sebagai Timbalan Setiausaha Agung UNIW mewakili kawasan Asia Pasifik untuk sesi 2015/2018.**

Ahmad Azam telah dijemput bertemu Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan pada 18 Ogos 2016 mewakili UNIW Asia Pasifik bagi mendapatkan maklumat sebenar berkaitan cubaan rampasan kuasa pada 15 Julai 2016 dan kesannya kepada geo politik dunia Islam. Lanjutan dari pertemuan itu Ahmad Azam telah menulis buku **Erdogan Bukan Pejuang Islam?**

Sebagai pengiktirafan kepada projek-projek membangunkan masyarakat Islam khususnya pendidikan di Kemboja melalui Global Peace Mission (GPM) Ahmad Azam telah dianugerahkan **"Royal Order of Monisaraphon Moha Sena** oleh kerajaan Kemboja pada 26 September 2015 dan **"The Royal Order of the Kingdom of Cambodia of Commander (Thipden)"** pada November 2012.

Sebagai pengiktirafan kerajaan terhadap sumbangan beliau dalam pembangunan belia dalam dan luar negara, Menteri Belia dan Sukan Malaysia telah melantik beliau sebagai Ahli Majlis Perundingan Belia Negara bagi tahun 2003-2004. Beliau juga telah dianugerahkan Pingat Bakti Belia Malaysia (P.B.B.M) oleh Majlis Belia Malaysia pada 12 Ogos 2005.

Ahmad Azam lahir pada 21hb Jun 1960 di Gombak, Selangor. Beliau mendapat pendidikan di St John Institution Awam. Mendapat Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dan MBA dari universiti di Amerika Syarikat. Beliau pernah bertugas sebagai Pengawai MARA Daerah Seberang Perai Utara, Pengurusan Latihan, Institut Kajian Dasar, Pengarah Latihan P&Q Consult Sdn Bhd, serta Pensyarah di Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam.